



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL KECEMERLANGAN
TINGKATAN 5 2025**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2
2 JAM**

KRITERIA PENSKORAN
BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)
Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema / menjawab tugas bahan rangsangan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian jelas dan matang. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerengganan sesuai. <p>*Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</p>
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata luas. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerengganan sesuai.

Memuaskan	15 – 19	<p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan. Huraian masih jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan masih menarik. Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan. Wacana masih lengkap. Pemerengganan masih sesuai.
	(17 – 19)	
	(15 – 16)	
Penguasaan minimum	10 – 14	<p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan. Huraian kurang jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Penggunaan kosa kata terhad. Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan kurang menarik. Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan. Wacana kurang lengkap. Pemerengganan kurang sesuai.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 9	<ul style="list-style-type: none"> Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugasan. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.
	(6 – 9)	
	(1 – 5)	

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka
[70 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan menjawab tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea relevan mengikut tugas. Huraian jelas dan matang. Contoh yang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Ejaan dan tanda baca yang betul. Penggunaan unsur bahasa bervariasi. Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan sangat menarik dan berkesan. Pemerengganan yang sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Kepujian	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan menjawab tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea relevan mengikut tugas. Huraian jelas. Contoh yang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Ejaan dan tanda baca yang betul. Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan menarik dan berkesan. Pemerengganan yang sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.

Baik	<p>45 – 54</p> <p>(50 – 54)</p> <p>(45 – 49)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan masih menjawab tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan mengikut tugasan. Huraian masih jelas. Contoh masih sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. Penggunaan kosa kata umum. Ejaan dan tanda baca yang masih betul. Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan masih manarik. Pemerengganan masih sesuai. Wacana masih lengkap. Laras bahasa sesuai mengikut tugasan.
Memuaskan	<p>35 – 44</p> <p>(40 – 44)</p> <p>(35 – 39)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan masih / kurang menjawab tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan mengikut tugasan. Huraian kurang jelas. Contoh kurang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Ayat kurang gramatis. Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. Penggunaan kosa kata umum dan terhad. Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan kurang manarik. Pemerengganan kurang sesuai. Wacana masih / kurang lengkap. Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan.

Penguasaan Minimum	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan kurang menjawab tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan mengikut tugas / bercampur aduk. Huraian tidak jelas / tidak berkembang. Contoh yang tidak sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. Penggunaan kata kurang tepat. Penggunaan kosa kata umum dan terhad. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan tidak menarik. Pemerengganan tidak sesuai / tidak seimbang. Wacana tidak lengkap.
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	1 – 20 (11 – 20) (1 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. Pengolahan tidak menarik. Pemerengganan tidak sesuai dan tidak seimbang. Wacana tidak lengkap.

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() - kesalahan isi

_____ - kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ - kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// - kesalahan ejaan yang berulang

○ - kesalahan tanda baca

SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)

1. Format penulisan komen:

- T - menepati tugasan
- I - relevan, huraihan jelas
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P - sangat menarik dan berkesan

Grafik dan maklumat di bawah berkaitan dengan penggunaan e-dompet.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang penggunaan e-dompet.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

2. Kehendak / tugasan soalan:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **kebaikan / kelebihan / faedah / manfaat penggunaan e-dompet** dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
 - ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:
 - menyimpan maklumat pembayaran / membolehkan transaksi dilakukan secara elektronik
 - menjimatkan masa
 - menikmati mata ganjaran
 - iii. Calon perlu menyentuh **semua bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
 - iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **kebaikan / kelebihan / faedah / manfaat penggunaan e-dompet** - diterima dan disemak seperti biasa.
 - v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat KEPUJIAN.
 - vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - maksimum peringkat KEPUJIAN.
 - vii. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat MEMUASKAN.
-
- Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUSAAN MINIMUM (TMTPM)

SOALAN BAHAGIAN B (70 markah)

1. Format penulisan komen :

- T – menjawab tugas
I – relevan, huraian jelas
B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
P – menarik dan berkesan

Soalan 1

Menurut laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023, satu daripada empat orang dewasa di Malaysia menyatakan bahawa mereka mengalami stres yang ketara dalam kehidupan sehari-hari. Keadaan ini menunjukkan bahawa stres semakin menjadi isu kesihatan awam yang serius. Beban tugas yang berlebihan dan masalah kewangan dikenal pasti antara punca utama kes ini. Selain itu, konflik dalam hubungan sosial turut menyumbang kepada peningkatan kes stres dalam kalangan masyarakat.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan
dan Morbiditi (NHMS) 2023

Berdasarkan petikan di atas, huraikan punca-punca peningkatan kes tersebut dalam kalangan masyarakat.

Kehendak / tugasan soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan **punca-punca peningkatan kes stres** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu:
 - Beban tugas yang berlebihan
 - masalah kewangan dikenal pasti antara punca utama
 - konflik dalam hubungan sosial

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea-idea lain berkaitan **punca-punca peningkatan kes stres** - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan menambah idea lain berkaitan **punca-punca peningkatan kes stres** – maksimum KEPUJIAN.
3. Calon tidak menghuraikan idea dalam petikan tetapi menghuraikan idea luar berkaitan **punca-punca peningkatan kes stres** – maksimum BAIK.

Soalan 2

Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia pada tahun 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Dengan slogan “KL Baca: Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan”, pengiktirafan ini diharap akan dapat menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Sumber: ‘Kuala Lumpur Kota Buku Dunia’,
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bincangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk menyemarakkannya **selain** saranan yang dinyatakan dalam petikan di atas.

Kehendak / tugas soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan **langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk menyemarakkan budaya membaca SELAIN** yang terdapat dalam petikan.
(idea dalam petikan – Kempen oleh kerajaan / media massa
- slogan “KL Baca: Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan”)

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat BAIK.
2. Calon menghuraikan idea daripada dalam petikan dan idea luar – maksimum peringkat KEPUJIAN
3. Langkah yang dilaksanakan mesti menyebut pihak. Calon hanya membincangkan langkah satu pihak sahaja tetapi banyak langkah – terima seperti biasa.
4. Calon tidak menyatakan pihak – maksimum peringkat KEPUJIAN.

Soalan 3

Kebaikan Aktiviti Kemasyarakatan

Berkilau emas milik Siratu,
Susun bertingkat berselang suasa;
Gotong-royong simbol penyatu,
Terkukuh perpaduan aman sentosa.

Bermain sembilang di kejar gelama,
Jadi tatapan anak pangeran;
Berkongsi rezeki teguh bersama,
Erat hubungan sesama jiran.

Segak penggawa pandai meramal,
Berbaju layang berkain satin;
Ziarah tetangga perlu diamal,
Demi menyemai sifat prihatin.

ZNR Padang Kinta, Mei 2025

Pantun di atas menyatakan kebaikan-kebaikan aktiviti kemasyarakatan.

Huraikan kebaikan-kebaikan tersebut.

Kehendak / tugas soalan

2. Calon dikehendaki menghuraikan **kebaikan-kebaikan aktiviti kemasyarakatan** seperti yang terdapat dalam tiga rangkap pantun iaitu:

- aktiviti bergotong-royong mengukuhkan perpaduan
- amalan berkongsi rezeki dapat mengeratkan hubungan kejiranan
- budaya menziarahi tetangga mampu menyemai sifat prihatin

Kemungkinan jawapan:

4. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea-idea lain berkaitan **kebaikan-kebaikan aktiviti kemasyarakatan** - terima seperti biasa.
5. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan menambah idea lain berkaitan **kebaikan-kebaikan aktiviti kemasyarakatan** – maksimum KEPUJIAN.
6. Calon tidak menghuraikan idea dalam petikan tetapi menghuraikan idea luar berkaitan **kebaikan-kebaikan aktiviti kemasyarakatan** – maksimum BAIK.

Soalan 4

PUTATAN : Panik ketika menerima panggilan dan sifat tamak untuk memperoleh pulangan pelaburan tinggi menjadi antara punca jumlah mangsa kes jenayah ‘scam’ atau penipuan dalam talian semakin meningkat, kata Pesuruhjaya polis Sabah Datuk Jauteh Jikun.

Sumber: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia>

Sebagai respon terhadap kandungan petikan di atas, tulis sebuah rencana tentang langkah-langkah mengelakkan diri daripada terperangkap dalam jenayah tersebut.

Kehendak / tugasan soalan

Calon dikehendaki menulis **rencana** tentang **‘Langkah-langkah Mengelakkan Diri daripada Terperangkap dalam Jenayah ‘Scam’ atau Penipuan Dalam Talian’** yang tidak terdapat dalam petikan.

-terima idea-idea luar yang sesuai sebagai langkah-langkah mengelakkan diri daripada terperangkap dalam jenayah ‘scam’ atau penipuan dalam talian.

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan idea-idea luar berkaitan **langkah-langkah yang diambil oleh diri sendiri untuk mengatasi jenayah ‘scam’ atau penipuan dalam talian**. – diterima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan idea-idea luar berkaitan **langkah-langkah yang diambil oleh banyak pihak untuk mengatasi jenayah ‘scam’ atau penipuan dalam talian**. – diterima seperti biasa.
3. Calon menghuraikan idea-idea luar berkaitan **langkah-langkah yang diambil oleh satu pihak untuk mengatasi jenayah ‘scam’ atau penipuan dalam talian** – maksimum peringkat KEPUJIAN.
4. Calon menghuraikan idea-idea luar berkaitan **langkah-langkah mengatasi jenayah secara umum tanpa menyentuh ‘scam’ atau penipuan dalam talian** – maksimum peringkat KEPUJIAN.
5. Format: Ceramah
 - Tidak ada tajuk dan nama penulis – markah maksimum KEPUJIAN

- Jika calon menulis dalam bentuk poin (**Bahagian A dan B**) – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- **Bahagian B**
 - **Bilangan perkataan 511 dan ke atas** – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
 - **Bilangan perkataan 339 dan ke bawah** – maksimum peringkat **BAIK**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata Sendi ‘di..... (rumah)’ dan ‘ke..... (sana)’
10. Angka

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT